



ANGGOTA DBKL menyita skuter elektrik yang diletakkan di tempat awam di sekitar ibu negara kelmarin.

DBKL sita 384 unit skuter elektrik

PETALING JAYA – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita sebanyak 384 unit skuter elektrik yang diletakkan di tempat awam di sekitar ibu negara kelmarin.

DBKL dalam satu kenyataan berkata, tindakan sita oleh Jabatan Penguatkuasaan DBKL itu dilakukan mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"DBKL melaksanakan tin-

dakan khas melibatkan skuter elektrik yang diletakkan di tempat awam sekitar Kuala Lumpur pada 11 Disember 2024.

"Hasil daripada tindakan tersebut, sebanyak 384 unit skuter telah dikenakan tindakan sita serta-merta di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974," kata kenyataan itu semalam.

Menurut DBKL, kesemua barangan yang disita dibawa ke

Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur untuk tindakan rekod dan dokumentasi.

Jelas DBKL, tindakan dan pemantauan seperti itu akan dilaksanakan dari semasa ke semasa demi kesejahteraan warga kota, pengunjung dan pelancong.

"Sebarang aduan boleh salurkan ke pautan <https://adukl.dbkl.gov.my>," katanya.